

KEHARMONIAN ANTARA MANUSIA, ALAM DAN PENCIPTA DALAM PERUBATAN MELAYU

PENGENALAN

Pandangan semesta merupakan antara elemen yang penting dalam usaha memahami pemikiran dan tingkahlaku sesebuah masyarakat. Pandangan semesta masyarakat adalah berkait rapat dengan fahaman dan kepercayaan yang membentuk kerangka pemikiran masyarakat. Berdasarkan penulisan Md Salleh Yaspar (1985), pandangan semesta membezakan kedudukan manusia dan alam serta menjelaskan hubungkait antara kedua-duanya. Antara aspek atau isu yang berkaitan dengan pandangan semesta ialah bagaimana manusia melihat kepada alam persekitaran termasuk dirinya sendiri serta corak perhubungan antara dirinya dengan alam, manusia serta makhluk lain. Pandangan semesta Melayu adalah terhasil daripada kesatuan elemen yang mempunyai asal-usul yang berbeza iaitu animisme-dinamisme, Hindu-Buddha dan Islam. Pandangan atau persepsi tersebut, jelas Werner (1986) turut mempengaruhi sistem perubatan lokal masyarakat Melayu.

Sebelum kedatangan Islam, kepercayaan masyarakat Melayu adalah berasaskan kepada animisme dan dinamisme. Sistem kepercayaan animisme merujuk kepada kepercayaan bahawa setiap objek mempunyai jiwa, roh dan semangat yang mempunyai perwatakan yang tersendiri. Masyarakat Melayu turut mempercayai kewujudan roh ataupun makhluk halus yang mempunyai tenaga yang kuat dan mampu mempengaruhi kehidupan mereka. Berdasarkan kepercayaan terhadap jiwa, roh, semangat dan makhluk halus yang menjadi asas kepada animisme ini lahirlah pantang larang dan kepercayaan kepada 'ilmu-ilmu' ataupun sihir yang melibatkan pemujaan terhadap roh bagi memperolehi bantuan, termasuklah bagi mengubati penyakit yang dihadapi masyarakat (Skeat, 1900). Antara contoh pantang larang dalam masyarakat Melayu ialah larangan keluar dari rumah pada waktu senja kerana bimbang akan disorok hantu dan larangan menegur sesuatu yang aneh atau ganjil dalam hutan untuk mengelakkan daripada disampuk hantu (Wilkinson, 1957). Berkait rapat dengan kepercayaan ini ialah kepercayaan kepada roh nenek moyang yang dapat dilihat melalui upacara sembahyang yang diambil daripada perkataan *hyang* yang boleh diertikan sebagai poyang @ moyang. Kepercayaan kepada roh nenek moyang atau *hyang* yang mempunyai tenaga kuat, luar biasa dan tidak terikat dengan hukum alam serta mampu pengaruhi kehidupan ini membawa kepada pemujaan roh untuk mendapat bantuan atau faedah (Nurdeng, 2010). Berdasarkan sistem kepercayaan dinamisme pula, masyarakat Melayu mempercayai bahawa tenaga yang ada dalam roh, jiwa dan semangat dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan hidupan mampu memberikan kesan sama ada baik atau buruk kepada manusia. Kepercayaan dinamisme ini melahirkan magis iaitu penguasaan terhadap tenaga ghaib dengan perbuatan dan upacara tertentu yang dilakukan oleh pawang atau bomoh sehingga tenaga ghaib tersebut dapat digunakan untuk kepentingan sendiri atau kerugian kepada orang lain (Sharifah Sofiah et. al, 2003).

Menurut Werner (1993), ciri-ciri animisme yang wujud dalam masyarakat Melayu turut wujud dalam kepercayaan Hindu-Buddha yang disebarkan secara meluas di kepulauan Melayu. Kecerahan antara kepercayaan Hindu-Buddha dengan kepercayaan lampau masyarakat Melayu, jelas Nurdeng (2010), telah mempengaruhi penerimaan masyarakat Melayu khususnya golongan atasan terhadap kepercayaan tersebut. Mohtar (1979) berpendapat bahawa masyarakat Melayu melihat persamaan antara roh ataupun makhluk halus dengan dewa-dewa Hindu memandangkan kedua-dua entiti ini bersifat ghaib, mempunyai kuasa sakti dan mampu menjelma dalam bentuk objek-objek seperti pokok, batu, bukit, pantai, sungai dan sebagainya. Menurut Maxwell (1883), Skeat (1900), Winstedt (1947) dan Endicott (1970), masyarakat Melayu menyeru dewa-dewa Hindu seperti Siva ataupun Betara Guru, Kala, Seri Rama, Laksamana dan Krishna (Winstedt, 1947) bagi tujuan diagnosis penyakit, rawatan ataupun mengelakkan kemudharatan terutamanya pada zaman sebelum Islam. Ritual-ritual keagamaan yang dijalankan, jelas Nurdeng (2010), banyak menggunakan jampi mantera bagi memuja dewa-dewa yang menjelma dalam bentuk objek-objek seperti batu, pokok, bukit dan sebagainya. Jampi mantera yang digunakan, tambah beliau, banyak mempunyai unsur ketuhanan Hindu dengan memasukkan perkataan 'Om' yang membawa maksud dewa yang dipercayai mempunyai kesaktian dan kuasa ghaib. Selain kegiatan ritual keagamaan yang memperlihatkan pengaruh ketara agama Hindu, masyarakat Melayu turut dipengaruhi dengan konsep 'Devaraja' yang membesarkan raja-raja sebagai penjelmaan dewa-dewa. Kepercayaan ini membawa kepada keyakinan tentang wujudnya 'daulat' dan 'ketulahan' yang sering dikaitkan dengan raja-raja Melayu. 'Ketulahan' misalnya dikatakan menimpa rakyat atas tindakan mencabar kuasa atau 'daulat' raja-raja Melayu. Kesannya, timbullah penyakit seperti 'kedal' iaitu penyakit kulit yang tidak dapat dirawat yang sering dikaitkan dengan tindakan rakyat melanggar perintah raja-raja Melayu ataupun tidak bertindak mengikut norma-norma yang ditetapkan oleh masyarakat (Mohd Taib Osman, 1988: 154).

Walaupun kedatangan Islam ke Tanah Melayu merubah agama masyarakat Melayu, Wilkinson (1906) mendakwa bahawa elemen kepercayaan animisme dan Hindu masih wujud khususnya pada zaman sebelum merdeka. Meskipun kegiatan pemujaan seperti puja pantai tidak lagi wujud dalam masyarakat Melayu, masih terdapat beberapa aspek pemujaan yang masih diamalkan khususnya oleh masyarakat Melayu Pantai Timur. Kajian yang dibuat oleh Azlina & Yusmilayati (2011) dan Mohd Luthfi (2011) menunjukkan bahawa kepercayaan terhadap dewa-dewa kayangan, penyeruan dan penjamuan semangat atau roh masih dapat dilihat dalam proses diagnosis serta rawatan 'main puteri' di Kelantan dan persembahan Mek Mulong. Dalam persembahan Mek Mulong misalnya, roh nenek moyang yang diberikan nama dewa seperti Dewa Kaca, Dewa Kesuma dan Dewa Kesakti diseru dan dijamu bagi melindungi diri daripada bencana dan mengubati penyakit (Mohd Luthfi, 2011). Meskipun kepercayaan kepada roh, hantu, polong, pelesit dan sebagainya ini masih wujud, kepercayaan ini, jelas Syed Husin (1975) tidaklah bermaksud bahawa masyarakat Melayu menafikan kekuasaan Allah. Malah, kepercayaan mereka terhadap elemen animistik, jelas Nurdeng (2010) dirasionalkan dengan keyakinan bahawa kuasa Allah adalah mengatasi segala jelmaan jin dan syaitan yang ingin merosakkan dan memudharatkan manusia. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kepercayaan lampau

tidak dibuang keseluruhannya dalam masyarakat Melayu tetapi diintegrasikan dengan ajaran Islam agar ia dapat diterima dan dipraktikkan sehingga ke zaman.

KEHARMONIAN ANTARA MANUSIA DAN ALAM DALAM PERUBATAN MELAYU

Alam menurut pemahaman Melayu terbahagi kepada dua iaitu mikro kosmos iaitu diri manusia sebagai alam yang kecil yang meliputi fizikal, akal, roh, semangat dan lain-lain serta makro kosmos yang meliputi alam sekitar dan alam ghaib (Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 2001). Keadaan ini, jelas Pisol (2013), diungkapkan dengan jelas oleh Syeikh Nuruddin dalam kitab *Bustan al-Salatin* seperti berikut:

Maka adalah wujud insan itu bernama alam kabir, bumi dan langit dan barang yang ada antara keduanya itu bernama alam soghir. Dan kejadian insan itu terlebih baik daripada semesta sekalian dari kerana terhimpun dalamnya segala barang yang ada dalam langit dan bumi.

(Syeikh Nuruddin, t.t: 94 dipetik dalam Pisol, 2013)

Dari perspektif agama pula, alam merupakan ciptaan Tuhan yang mengandungi nilai spiritual bagi manusia yang ingin mendekati diri kepada Tuhan. Justeru, gesaan bagi manusia mengamati kejadian alam adalah bertujuan bagi manusia mengenali bukan hanya ciptaan Tuhan tetapi juga Penciptanya. Berdasarkan pemahaman agama, setiap sumber alam yang digunakan perlulah mengambilkira setiap aspek kepenggunaannya bagi mengelakkan pembaziran dan juga kemusnahan kepada alam. Ini adalah selaras dengan firman Allah di dalam al-Quran yang bermaksud:

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

(surah al-Rum: ayat 41)

Falsafah penggunaan alam, jelas Zainal Kling (1995) ialah Allah mencipta alam untuk manfaat manusia. Justeru, paradigma Melayu adalah mesra alam dan mementingkan keseimbangan.

Pemikiran saintifik dan teknik perubatan Melayu terhasil dari pemerhatian, kajian dan pembelajaran dari alam. Menurut Zhari & Norhayati (1995), flora dan fauna seperti akar kayu, hempedu gajah, lemak landak dan tulang sotong merupakan antara unsur alam yang popular dalam masyarakat Melayu. Bahan-bahan perubatan yang digunakan oleh masyarakat Melayu ini adalah berkait rapat dengan pandangan semesta dan juga persekitaran mereka. Justeru, pemilihan flora misalnya dibuat dengan penuh ketelitian dan tidak hanya terhad kepada penggunaan daunan bagi memperlihatkan kelebihan setiap aspek tumbuhan termasuklah buah, biji, kulit dan akar yang setiap satunya

mempunyai khasiatnya yang tersendiri bagi mengubati penyakit (Abdul Razak, 2006). Bagi memastikan keberkesanan rawatan, tumbuhan ubat dipetik atau diambil pada masa-masa tertentu dengan memberikan tumpuan yang khusus terhadap perubahan musim memandangkan bahan aktif tumbuhan bukan hanya berubah mengikut keadaan tanah dan iklim tetapi turut berubah mengikut musim. Malah, umur dan kematangan tumbuhan turut diambil kira bagi memastikan mutu dan nilai kandungan aktif adalah terjamin (Faisal @ Ahmad Faisal & Nurul Wahidah, 2012).

Setiap masyarakat mempunyai sistem perubatan dan cara pengubatan yang tersendiri kesan pengaruh lingkungan alam dan persekitaran serta kepercayaan dan budaya yang diwarisi. Pengetahuan perubatan Melayu yang telah digunakan serta diuji keberkesanannya sejak turun temurun misalnya memperlihatkan fokus kepada hubungan timbal balik antara manusia dan alam serta penyesuaian kepada persekitaran bagi mewujudkan keharmonian dan keseimbangan. Kepercayaan bahawa 'setiap penyakit pasti ada ubatnya' misalnya bukan hanya mendorong kepada kajian tentang khasiat perubatan dari alam tetapi juga kajian terhadap unsur-unsur ghaib, mistik serta magis bagi mewujudkan keseimbangan dan keharmonian. Konsep keharmonian dalam perubatan Melayu meliputi unsur-unsur dalam badan, sesama manusia dan juga antara manusia dengan alam dan persekitaran. Dalam kitab *Bustan al-Salatin* misalnya disebutkan bahawa terdapat empat cairan atau *humor* utama dalam tubuh manusia iaitu darah, balgham, air hempedu kuning dan air hempedu hitam (Pisol, 2013). Menurut Kitab Tib, unsur-unsur dalam badan manusia ini dikaitkan dengan empat anasir alam seperti tanah, air, api dan angin mempunyai perwatakannya yang tersendiri. Tanah contohnya dikatakan bersifat dingin dan kering manakala api mempunyai sifat panas dan kering (Hashim, 1990). Dalam konteks ini, jelas Fisol (2013: 189):

Keempat-empat anasir yang terdapat dalam badan manusia ini hanyalah simbol yang menggambarkan manifestasi alam tabii ini dalam tubuh insan dan bukan merujuk kehadiran anasir-anasir ala mini secara fizikal. Anasir-anasir ini penting kerana membawa sifat-sifat alam dalam diri manusia menerusi humor dan dengan ini mengharmonikan manusia dengan alam ini.

Dalam hal ini, humor darah adalah bersifat panas dan lembap seperti air manakala humor air hempedu hitam adalah bersifat sejuk dan kering seperti sifat tanah. Hasil interaksi antara anasir-anasir ini, tambah Fisol (2013) menghasilkan temperamen atau pembawaan dan perangai yang unik bagi setiap individu.

Selain keharmonian antara unsur-unsur dalam badan, keharmonian dalam persekitaran sosial seperti contohnya hubungan manusia sesama manusia serta makhluk lainnya turut ditekankan bagi mengelakkan timbulnya iri hati, dendam dan sebagainya yang mampu menekan perasaan dan menimbulkan pelbagai penyakit. Konsep keharmonian ini turut diperluaskan dalam konteks hubungan manusia dengan perawat bagi memastikan keberkesanan rawatan seperti Main Pueri. Dalam konteks Main Teri misalnya, terdapat tiga elemen asas pengubatan dalam upacara tersebut iaitu

pertama, peralatan dan bahan yang digunakan untuk tujuan pengubatan; kedua, perbuatan dan tingkahlaku pengamal perubatan; dan ketiga, jampi yang dibaca oleh pengamal perubatan sewaktu proses pengubatan berlangsung. Peranan yang perlu dimainkan oleh pengamal perubatan sewaktu proses pengubatan ialah dengan menggabungkan kuasa yang ada pada alatan atau bahan-bahan yang digunakan untuk pengubatan dengan jampi bagi menyembuhkan penyakit. Menurut Aishah @ Eshah dan Abd Aziz (2012), alatan atau bahan yang sering digunakan oleh pengamal perubatan seperti 'Bomoh Teri' adalah daripada sumber alam yang ditakuti oleh makhluk ghaib dan dipercayai berupaya meningkatkan keupayaan bomoh dalam mengubati penyakit. Setiap satu bahan yang digunakan dalam Main Puteri dipercayai mempunyai falsafah dan pengertiannya serta tujuannya yang tersendiri. Beras kunyit misalnya secara simbolik dipercayai mempunyai 'kualiti yang boleh menawarkan dan mengimbangkan unsur-unsur lain dalam alam sejagat termasuklah tubuh manusia' manakala warna putih pada nasi membawa makna 'kebersihan dan keikhlasan hati' perawat dan juga pesakit (Aishah @ Eshah & Abd Aziz, 2012: 60-61). Hubungkait antara psikologi dan kesihatan yang ditunjukkan oleh perubatan Melayu ini, jelas Hashim (1993) menunjukkan pengetahuan dan kearifan tempatan yang tinggi dan mampu dikagumi.

Hubungan antara manusia dengan makhluk ghaib dan alam sekitar, jelas Mohd Taib Osman (1985) tidak hanya tertakluk kepada niat untuk memastikan bahawa hubungan yang harmoni terjalin berpandukan kepercayaan dan pegangan. Masyarakat Melayu, tambah beliau, turut mengaitkan manusia dengan alam sekitar dan juga alam ghaib dengan menisbahkan kuasa luar biasa kepada pemerintah. Justeru, istana sebagai pusat pemerintahan Melayu sering digambarkan sebagai 'paku alam' yang mempunyai hubungan dengan alam ghaib melalui jelmaan dewa Hindu dan perhubungan dengan 'jin kerajaan' yang menjaga istana raja-raja Melayu. Dalam konteks bela kampung dan puja pantai pula, upacara ini dilihat turut berfungsi sebagai ekspresi simbolik masyarakat Melayu untuk mencari keharmonian antara mereka dengan alam dan juga masyarakat termasuk kuasa ghaib seperti roh dan semangat yang dianggap penting dalam masyarakat Melayu (Mohd Taib, 1985: 60, 69).

Perubatan Melayu bukan hanya memperlihatkan pengetahuan dan kearifan tempatan yang bersumberkan akumulasi pengetahuan dan pengalaman malah turut memperlihatkan pengaruh budaya-budaya asing dalam perubatan Melayu. Selain konsep empat unsur yang dilihat mempunyai pengaruh perubatan Yunani dan Islam, masyarakat Melayu turut dikatakan mempercayai konsep 'humor' atau keseimbangan badan serta konsep 'sejuk dan panas' kesan pengaruh dan juga interaksi dengan bangsa Cina, India, Arab dan juga Orang Asli (Laderman, 1987; Manderson 1981). Berdasarkan kepercayaan ini, makanan, ubatan dan penyakit dibahagikan kepada beberapa kategori seperti 'sejuk' atau 'panas' mengikut ciri-ciri intrinsiknya atau kesannya kepada fizikal manusia.

Menurut Hashim Awang (2010), tubuh manusia dikategorikan sebagai sejuk atau panas berdasarkan ciri-ciri fizikal yang ada pada mereka. Individu yang dikategorikan sebagai 'panas' misalnya dikatakan mempunyai rambut yang tebal, ikal dan hitam

manakala tubuhnya berbau. Individu yang dikatakan 'panas' juga mempunyai sifat tergesa-gesa, kurang tidur, mempunyai hati yang keras, kuat dan berani serta kurang perasaan malu. Individu yang dikatakan 'sejuk' pula dikatakan memiliki rambut merah, kejur dan tidak terlalu tebal manakala tubuhnya tidak berbau, hatinya penakut dan pemalu. Penyakit, menurut pandangan masyarakat Melayu, boleh disebabkan oleh ketidakseimbangan elemen-elemen sejuk dan panas dalam badan. Melalui pemahaman ini, penyakit seperti campak, 'buah' atau abses, barah dan juga penyakit yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus misalnya adalah dianggap sebagai 'panas' dan lebih sesuai diubati dengan rawatan tradisional yang bersifat 'sejuk'. Berdasarkan pemahaman tersebut, pengambilan makanan dan ubat-ubatan perlu disesuaikan dengan keadaan fizikal, cuaca dan juga jenis penyakit yang dihidapi (Manderson, 1981; McKay 1981). Justeru, pengambilan makanan yang bersifat 'panas' ketika cuaca panas atau ketika mengidap penyakit yang dianggap 'panas' adalah ditegah bagi mengelakkan kemudaratan pada badan.

Berdasarkan ilmu perubatan Melayu tradisional, klasifikasi dan rawatan penyakit adalah ditentukan berdasarkan sumber penyakit tersebut. Menurut A. Samad (1980), penyakit menurut manuskrip perubatan Melayu adalah berpunca daripada angin, balgam, darah atau campuran darah dan angin. Angin menurut Hashim (2010) merujuk kepada udara yang membawa kotoran atau penyakit dan memasuki atau menyerap ke dalam badan melalui rongga-rongga badan seperti hidung, mulut dan liang roma. Istilah angin turut merujuk kepada gas yang berkumpul dalam perut atau urat dan juga jiwa serta perasaan. Punca penyakit, jelas A. Samad (1980), dapat diketahui dengan melihat kepada simptom-simptom yang dialami oleh pesakit. Sebagai contoh, penyakit yang dikatakan berpunca daripada angin menyebabkan pesakit mempunyai simptom-simptom seperti badan gementar, mengalami pening kepala, tubuh menggeliat dan sakit pada kedua-dua rusuk dan perut. Sakit yang disebabkan oleh balgam pula akan menyebabkan pesakit mempunyai tanda-tanda seperti mengerang kerana kesejukan, hilang selera makan dan mengalami demam pada waktu pagi. Penyakit yang disebabkan oleh unsur-unsur natural ataupun tabie ini pada kebiasaannya dirawat dengan ubat-ubatan dari sumber alam ataupun bekam bagi mengeluarkan mengeluarkan 'darah kotor' dan 'angin sejuk' daripada badan (Mohd. Koharuddin, 2003). Walau bagaimanapun, penyakit yang dipercayai disebabkan oleh unsur-unsur supernatural seperti sihir, makhluk halus dan kuasa luar biasa seperti Tuhan memerlukan kaedah rawatan yang berbeza. Berdasarkan pemerhatian Shamsul Amri (2001), wujud satu keadaan yang dikenali sebagai 'hipokondria Melayu' bila mana terdapat perbezaan sikap di kalangan masyarakat Melayu terhadap luka, lenguh, sakit dan bisa yang dianggap sebagai penyakit biasa, dengan demam, yang mungkin disebabkan oleh pelanggaran pantang larang pemakanan, secara sengaja atau tidak sengaja 'menggangu' makhluk halus atau kesan perbuatan sihir yang dikenakan ke atas pesakit. Hal ini, tegas beliau, turut memberikan kesan terhadap pemilihan teknik rawatan bagi penyakit yang dihidapi.

KEHARMONIAN ANTARA MANUSIA. ALAM DAN PENCIPTA DALAM PERUBATAN MELAYU

Elemen asas pandangan semesta Melayu selepas menerima pengaruh Islam ialah kepercayaan kepada Allah dan keyakinan bahawa segala alam, termasuk alam dunia, alam arwah dan alam akhirat dicipta dan ditadbir oleh Allah. Sumber utama kepercayaan menurut Hashim Musa (2001) adalah wahyu. Teras utama pandangan semesta Melayu adalah Islam sebagai *ad-deen* yang mencakupi segala aspek termasuk konteks hubungan manusia dengan alam, makhluk dan Allah. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Roziah Sidik (2011), corak pemikiran perubatan yang dapat dilihat daripada manuskrip MSS 1292 Kitab Tib menunjukkan bahawa kepercayaan Islam yang menjadi anutan masyarakat Melayu memberikan kesan kepada aplikasi perubatan masyarakat khususnya pada awal abad ke-19. Ini dapat dilihat daripada penggunaan ayat-ayat al-Quran sama ada yang dipetik secara rambang, digabungkan dengan ayat-ayat al-Quran lainnya atau dicampurkan dengan ungkapan-ungkapan tertentu dalam doa. Contohnya ialah doa yang dibaca untuk mengubati penyakit muntah, sakit mata, barah, bisul, luka atau tumpah darah yang menggunakan ayat 137 dari Surah al-Baqarah dan dicampur dengan ungkapan-ungkapan tertentu. Antara ungkapan-ungkapan yang digunakan ialah *insyaAllah* yang digunakan dalam rawatan sakit kepala, *ya qadiya al-hajat* yang digunakan dalam rawatan sakit pinggang dan *ya ghafur* yang digunakan untuk mengubati pening kepala. Selain itu, terdapat juga kaedah perubatan yang menggunakan hadith (Mohd Koharuddin, 2003) dan bacaan-bacaan tertentu seperti contohnya bacaan ketika mengambil tumbuhan ubat yang dimulai dengan *Basmalah* dan diikuti dengan selawat, salam kepada Nabi Alias sebagai penjaga tumbuhan dan diakhiri dengan *Basmalah* (Hashim, 1996). Bacaan surah-surah atau ayat-ayat tertentu turut diamalkan bagi mengubati penyakit. Contohnya ialah rawatan sakit kepala yang menggunakan surah al-Ikhlas dan gabungan ayat 66 dari Surah Yasin dan ayat 111 dari Surah Taha bagi mengubati sakit mata (Roziah, 2011).

Hubungkait antara manusia, alam dan Tuhan dalam perubatan Melayu dapat dilihat dalam konteks 'Huquq Allah', 'Huquq al-ibad' dan 'Huquq al-alam' yang memperlihatkan ciri-ciri komprehensif perubatan Melayu yang mendapat suntikan dari Islam. Dalam konteks 'Huquq Allah' misalnya dapat dilihat pergantungan masyarakat Melayu kepada Allah dalam pengubatan seperti yang dapat dilihat daripada ungkapan 'afiat olehnya dengan tolong Tuhan seru sekalian alam' (Roziah, 2011) manakala dalam konteks hubungan sesama manusia, penekanan diberikan kepada penunaian hak individu dan masyarakat (Wan Abdul Halim, 1993) terutamanya dalam memberikan bantuan dan sokongan ketika sakit. Aspek 'Huquq al-Alam' pula dapat dilihat daripada peranan manusia sebagai penjaga alam dan larangan daripada memusnahkan alam yang dilihat sebagai salah satu intipati ajaran agama (Mohd Nor, 1985).

Berdasarkan kepercayaan dan pandangan semesta Melayu, konsep yang ditekankan dalam masyarakat Melayu ialah kesederhanaan yang meliputi fikiran dan tindakan dalam konteks hubungan manusia dengan alam, makhluk dan Tuhan (Abdul Halim & Md Shuaib, 1993). Konsep kesederhanaan ini ditekankan bukan hanya dalam pemakanan malah pergaulan dan kelakuan dalam konteks hubungan manusia dengan

makhluk, alam dan Tuhan. Konsep ini dilihat penting dalam usaha mewujudkan keharmonian antara manusia sesama manusia, dengan alam dan juga Tuhan bagi mengelakkan kemudharatan dan juga bencana. Dalam konteks perubatan Melayu, konsep kesederhanaan dilihat penting dalam usaha mencegah penyakit. Kesederhanaan pada makanan misalnya mampu bertindak sebagai 'ubat yang terlebih utama daripada sekalian ubat' dengan mengamalkan makan dan minum hanya ketika lapar dan dahaga serta berhenti sebelum kenyang (Abdul Samad, 1983: 12).

Kedatangan Islam, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, tidak bermakna bahawa kepercayaan lampau telah dibuang keseluruhannya dalam masyarakat Melayu tetapi diintegrasikan dengan ajaran Islam agar ia dapat diterima dan dipraktikkan sehingga ke zaman moden (Mohd. Taib, 1977). Hal ini dapat dilihat melalui amalan berjamu yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam Pantai Timur sewaktu upacara Main Pueri. Antara bahan yang digunakan sewaktu upacara tersebut ialah bertih yang dikaitkan dengan makanan nabi-nabi dan juga kemenyan yang dipercayai mempunyai aroma yang mampu 'memanggil malaikat untuk turut serta dan membawa bomoh terus kepada Tuhan- Allah' (Aishah @ Eshah & Abd Aziz, 2012: 60, 62). Meskipun kedua-dua bahan ini merupakan sebahagian daripada persembahan kepada makhluk ghaib, amalan ini seolah 'disucikan' dengan niat mendekatkan diri kepada Tuhan, Nabi, Malaikat, wali dan sebagainya bagi tujuan mendapatkan bantuan sewaktu proses rawatan berlangsung. Integrasi antara kepercayaan yang disandarkan kepada Islam ini dengan kepercayaan animism dan juga Hindu turut dapat dilihat dalam amalan menjamu makhluk ghaib yang mempunyai ciri-ciri animisme dan juga penggunaan kelapa yang dipercayai sebagai 'buah ajaib' yang mempunyai 'tiga mata' yang secara simboliknya memiliki unsur-unsur pencipta, pelindung dan juga pemusnah yang dikaitkan dengan trinita Hindu iaitu Brahman, Vishnu dan Shiva (Aishah @ Eshah & Abd Aziz, 2012: 62). Meskipun terdapat unsur-unsur percampuran antara perubatan Melayu dengan kepercayaan animism, Hindu dan Islam, proses Islamisasi perubatan Melayu dapat dilihat khususnya dalam rawatan sihir seperti sihir pendinding diri, ilmu hitam dan sihir penyembuh yang menggunakan ayat-ayat al-Qur'an dan doa bagi menggantikan jampi serapah yang telah sebatu dalam masyarakat Melayu (Haliza Mohd Riji, 2005).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa perubatan Melayu adalah didasari kepercayaan, ilmu dan juga amalan yang berhubungkait dengan keharmonian hidup secara keseluruhan. Pemikiran Melayu mempunyai asas agama di samping ilmu sains logikal dan empirikal berteraskan pengamatan dan kajian terhadap alam dan manusia. Meskipun melalui proses evolusi dan transformasi kesan asimilasi dan interaksi dengan pelbagai budaya, perubatan Melayu masih mengekalkan ciri-ciri holistik yang menekankan aspek fizikal dan spiritual bukan hanya dalam diagnosis dan pengubatan malah juga pencegahan. Antara faktor pengekalan perubatan Melayu tradisional dalam masyarakat hingga ke zaman moden ini ialah elemen keharmonian antara manusia, alam dan Tuhan yang melengkapkan perubatan Melayu sebagai perubatan yang

menyeluruh dan merangkumi setiap aspek kehidupan. Hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam yang terikat dengan penerangan yang bersifat magis dan supernatural kekal mendominasi pemikiran perubatan Melayu meskipun telah menerima pengaruh agama yang berbeza. Kewujudan unsur-unsur ghaib seperti hantu, syaitan, jin dan sebagainya masih dilihat sebagai faktor spiritual dalam etiologi penyakit dan keuzuran serta diberikan kerasionalan yang membenarkan kepercayaan dan fahaman sehingga ke zaman moden. Meskipun begitu, kebergantungan kepada Tuhan dilihat sebagai elemen utama yang menghubungkan manusia dan alam bagi mewujudkan hubungan tiga hala yang berasaskan manusia, alam dan Pencipta yang saling menentukan sistem etiologi masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman & Md. Shuaib Che Din. (1993). Sifat Kesederhanaan. Dalam Abdul Halim Othman (Ed), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Abdul Karim. (2006). *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aishah @ Eshah Haji Mohamed & Abd Aziz Haji Bidin. (2012). Tumbuhan dalam Upacara Pembomohan: Kes Main Teri di Kelantan. *Geographia Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (4), 56-63.
- A.Samad Ahmad. (1980). *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Endicott, Kirk Michael. (1970). *An Analysis of Malay Magic*. Oxford: Clarendon Press.
- Azlina Musa & Yusmilayati Yunos. (2011). Simptom-simptom Penyakit dalam Main Teri: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Mas. *Jurnal Melayu*, 8, 233-249.
- Haliza Mohd Riji. (2005). *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim Awang. (1990). Family-based Popular Health Culture in a Malay Village in Kelantan, Peninsula Malaysia. Tesis Ph.D, University of Hawaii.
- Hashim Awang. (1993). Asas dan Falsafah Perubatan Melayu. Dalam Azizan Baharuddin (Ed), *Perubatan dan Kesihatan di Kalangan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim Awang. (1996). Prinsip Asas Perubatan Melayu. *Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang. (2010). Penyakit dalam Kitab Tib Melayu: Manifestasi Pemikiran Melayu tentang Perubatan'. Dalam A.Aziz Deraman (Ed), *Peradaban Melayu Timur Laut: Memperkasakan Warisan Persuratan Melayu* (hlm 40-62). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2001). *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*. Kuala Lumpur: APMUM
- Laderman, Carol Ciavati. (1987). Destructive Heat and Cooling Prayer: Malay Humoralism in Pregnancy, Childbirth and the Postpartum Period. *Social Science and Medicine*, 25(4), 357-65.

- Manderson, Lenore. (1981). Roasting, Smoking and Dieting in Response to Birth: Malay Confinement in Cross-Cultural Perspective. *Social Science and Medicine*, 15B(4), 509-20.
- Maxwell, W. E. (1883). Shamanism in Perak, *Journal of Straits Branch of Royal Asiatic Society*, 12, 222-32.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2011). Mek Mulong: Antara Persembahan dan Ritual Perubatan di Malaysia. *Sosiohumanika*, 4(1), 93-110.
- Mohd Taib Osman. (1985). The Traditional Malay Socio-Political World-View. Dalam Mohd Taib Osman (Ed), *Malaysian Worldview*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohd Taib Osman. (1988). *Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1989). *Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Element*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McKay, David A. (1971). Food, Illness and Folk Medicine: Insights from Ulu Trengganu, West Malaysia. *Ecology of Food and Nutrition*, 1, 67-72.
- Md Salleh Yasper. (1985). The World-view of Peninsular Malaysian Folk-Tales and Folk Drama. Dalam Mohd Taib Osman (Ed), *Malaysian World-view*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi. (2003). Ketamadunan Melayu dan Sains: Satu Analisis Awal ke atas Pencapaian Masyarakat Melayu dalam Bidang Sains. *Jurnal Teknologi*, 39 (E), 47-61.
- Mohd Nor Ngah. (1985). Islamic World-view of Man, Society and Nature among the Malays in Malaysia. Dalam Mohd Taib Osman (Ed), *Malaysian World-view*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (2001). Kosmologi pada Para Fuqaha dan Ulama Sufiah. Dalam Yaacob Haron (Ed), *Pemikiran Melayu dalam Kosmologi Melayu* (hlm 10-22). Kuala Lumpur: APMUM.
- Nurdeng Deuraseh. (2010). Pandangan Semesta Masyarakat Melayu Perspektif Perubatan Tradisional. *International Journal of Social Policy and Society*, 7, 80-89.
- Roziyah Sidik @ Mat Sidik. (2011). Corak Pemikiran Perubatan Penulis Manuskrip dalam MSS 1292 Kitab Tibb. Dalam Azmul Fahimi et al, *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara* (hlm 410-413). Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2001). The Role of the Behavioural Sciences in Medicine: Anthropology and Medicine. Dalam Shamsul Amri Baharuddin (Ed), *Social Anthropology of the Malays* (hlm 174-179). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Sofiah Atiqah Syed Ibrahim et al. (2003). Pengaruh Bomoh Dalam Masyarakat Melayu. *PEMIKIR*, 107-131.
- Skeat, Walter William. (1900). *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: The Macmillan Company.
- Syed Husin Ali. (1975). *Malay Peasant Society and Leadership*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Wan Abdul Halim Othman. (1993). Hubungan Kekeluargaan dalam Masyarakat Melayu. Dalam Abdul Halim Othman (Ed), *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Werner, Roland. (1986). *Bomoh/Dukun: The Practices and Philosophies of the Traditional Malay Healer*. Berne: Institute of Ethnology, University of Berne.
- Werner, Roland. (1993). *Transcultural Healing: The Whole Human: Healing Systems under the Influence of Abrahamic Religions, Eastern Religions and Beliefs, Paganism, New Religions, and Mixed Religious Forms*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Wilkinson, Richard James. (1906). *Malay Beliefs*. London: Luzac & Co.
- Wilkinson, Richard James. (1957). Malay Customs and Beliefs. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, 4, 30-34.
- Winstedt, R.O. (1947). *The Malays: A Cultural History*. Singapore: Kelly & Walsh.
- Zainal Kling. (2000). Manusia Melayu, Alam dan Tamadunnya dalam Globalisme dan Patriotisme. Dalam Abd Latif Abu Bakar (Ed), *Sastera Melayu: Kumpulan Makalah Hari Sastera 1995*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zhari Ismail & Norhayati Ismail. (1995). Ubat-ubatan Melayu Tradisi Masa Kini dan Prospek pada Masa Hadapan. Dalam Ismail Hussein (Ed), *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka